



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

---

## SURAT PEKELILING NAIB CANSOLOR

---

Bilangan 1 Tahun 2013

### ARAHAN MENGGUNAKAN KEMUDAHAN DALAMAN UiTM UNTUK BENGKEL / *RETREAT* DALAMAN UNIVERSITI


#### TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memperingatkan semula supaya mengambil perhatian dan tindakan pelaksanaan mengenai penggunaan Kemudahan Dalaman UiTM atau Pusat-Pusat Latihan Kerajaan/ Agensi Luar Bukan Di Hotel Bagi Penganjuran Seminar/ Bengkel/ *Retreat*/ Mesyuarat/ Kursus.

#### LATAR BELAKANG

2. Sepertimana maklum pihak Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan bil. 7/2008 telah mengarahkan supaya semua agensi Kerajaan melaksanakan perbelanjaan secara berhemat. Setiap agensi juga diarah dan sentiasa diperingatkan supaya melaksanakan dengan tegas langkah-langkah berhemat bagi mengawal perbelanjaan Kerajaan.

3. Semua staf Universiti Teknologi MARA juga telah dimaklumkan mengenai Arahan Mengguna Kemudahan Dalaman Untuk Penganjuran Seminar / Bengkel / Mesyuarat Dalaman Universiti melalui Pekeliling Naib Canselor bil. 2 Tahun 2005 bertarikh 4 Februari 2005 dan Pekeliling Naib Canselor bil. 9 Tahun 2009 bertarikh 11 Jun 2009.



4. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Eksekutif dalam mesyuarat bil. 24/2012 pada 17 Disember 2012 telah membincangkan perkara ini dan memutuskan supaya semua Penganjuran Bengkel/ Retreat/ Mesyuarat/ Kursus yang dikendalikan oleh Fakulti/ Bahagian/ Kampus Cawangan agar menggunakan kemudahan UiTM atau Pusat-Pusat Latihan Kerajaan/ Agensi Luar atau kos yang lebih murah dan ekonomi selain hotel. Ini adalah satu kaedah yang perlu dilaksanakan untuk menjimatkan perbelanjaan universiti.

#### **TUJUAN PELAKSANAAN**

Sehubungan itu YBhg Dato'/ Datin Paduka/ Prof/ tuan/ puan adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan perkara ini kepada warga masing-masing dan memastikan tindakan yang sejajar dengan arahan tersebut dilaksanakan.

#### **TARIKH DIKELUARKAN**


5. Surat Pekeliling ini dikeluarkan pada 1 Januari 2013.

#### **TARIKH KUATKUASA**

6. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa serta merta.

#### **PEMAKAIAN**

7. Surat Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua Fakulti/ Jabatan/ Bahagian/ Kampus Cawangan/ Pusat/ Unit di Universiti Teknologi MARA.



**DATO' SRI PROF IR DR SAHOL HAMID ABU BAKAR, FASc**  
Naib Canselor

*Dikelilingkan Kepada:*

*Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit  
Semua Dekan-Dekan Fakulti  
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri*

*Bil. Fail : 100-UiTM(NC.6/2/1)*